

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG  
(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci kaedah-kaedah dan/atau mekanisme yang di gunakan untuk pengiraan harga petrol untuk penetapan harga jualan runcit petrol. Nyatakan keseluruhan jumlah wang subsidi yang telah di jimatkan oleh Kerajaan sejak penghapusan subsidi petrol dan diesel.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga petrol RON95 berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing*

*Mechnism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit petrol RON95 di negara ini dibuat setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2) Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar petrol RON95 yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

3) Tanggungan subsidi Kerajaan terhadap produk petroleum sejak pelaksanaan rasionalisasi subsidi pada penghujung tahun 2014 secara puratanya telah berkurang kepada RM2.8 bilion pada tahun 2015 dan RM2.9 bilion pada tahun 2016 berbanding RM22 bilion pada tahun 2013 dan RM18 bilion pada tahun 2014.